

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17 December 2015

# Inovasi, kreativiti bidang penting - Najib

um - 17/12/2015

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD  
pengarang@utusan.com.my

## ■ PUTRAJAYA 16 DIS.

**A**SPEK inovasi dan kreativiti akan menjadi dimensi penting dalam visi baharu pembangunan negara selepas terlaksananya Wawasan 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, justeru pihak yang terlibat dengan setiap sesi percambahan fikiran berhubung pelaksanaan visi pasca 2020 memberi tumpuan kepada aspek tersebut dalam usaha menyemai benih-benih inovasi dan kreativiti dalam apa jua tindakan.

Katanya, langkah tersebut perlu dimulakan sekarang tanpa perlu menunggu terlaksananya wawasan 2020 dalam usaha mengangkat kemampuan rakyat negara ini untuk berfikir dan bertindak berasaskan nilai tambah inovasi dan kreativiti.

"Tidak lama lagi kita akan me-

mulakan percambahan fikiran berhubung pasca tahun 2020 iaitu hala tuju baharu negara yang juga merupakan proses untuk menentukan konsensus nasional ke arah visi baharu Malaysia selepas tahun tersebut.

"Saya yakin dan percaya dalam percambahan fikiran itu sudah tentu aspek inovasi dan kreativiti akan muncul sebagai salah satu dimensi amat penting," katanya ketika berucap dalam majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2015 di Pusat Konsvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Dr. Zulkifeli Mohd. Zin dan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai.

Dalam majlis tersebut juga, ATM telah diumumkan sebagai pemenang tempat pertama dalam pertandingan Anugerah Inovasi Per-

dana Menteri (AIPM) pada tahun ini.

Perdana Menteri berkata, berikutnya itu juga kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memantapkan kemampuan negara dalam bidang inovasi dan kreativiti.

"Langkah-langkah yang telah kita lakukan termasuk peruntukan yang diluluskan dalam Bajet 2016 iaitu peruntukan RM100 juta kepada Agensi Inovasi Malaysia, RM200 juta kepada Malaysia Debt Ventures Capital Bhd. di bawah skim lonjakan teknologi dan inovasi.

"Begitu juga peruntukan RM35 juta kepada Pusat Inovasi dan Kreatif Global Malaysia (MaGIC) sebagai peneraju hab keusahawanan dan inovasi serantau. Selain itu kerajaan juga menunjukkan komitmen dalam menggalakkan aktiviti inovasi melalui peruntukan geran penyelidikan dan pembangunan (R&D)," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan Perdana Menteri berkata, Malaysia kini berada pada kedudukan ke-32 daripada 141 negara dalam bidang

inovasi dengan skor sebanyak 45.98.

Beliau berkata, pencapaian Malaysia itu tercatat dalam Laporan Indeks Inovasi Global 2015 yang merupakan hasil kerjasama antara Cornell University, Insead dan Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO).

Beliau berkata, pencapaian negara itu turut merekodkan iaitu daripada 79 petunjuk yang dianalisis, sembilan daripadanya berada pada kedudukan 10 terbaik.

"Dalam Laporan Daya Saing Global 2015/2016 yang diterbitkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF) pula telah meletakkan Malaysia di tempat ke-18 daripada 140 negara dengan skor sebanyak 5.23.

"Kaedah laporan ini meletakkan kedudukan negara-negara berkenaan berdasarkan kepada indeks daya saing mereka menerusi 12 teras utama dan salah satu daripadanya adalah inovasi," katanya.

Dalam teras itu ujar Perdana Menteri, Malaysia berada pada kedudukan ke-20 dengan mendapat skor 4.80.